

Headline	Maybank lega Najmi digantung satu perlawanan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	133 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 16,317		



## Maybank lega Najmi digantung satu perlawanan

**PETALING JAYA:** Ketua jurulatih hoki Maybank, Azrul Effendy Bistamam lega selepas anak buahnya, Najmi Farizal Jazlan hanya perlu menjalani penggantungan satu perlawanan sahaja selepas mengutip kad merah ketika aksi pembukaan Liga Hoki Malaysia (MHL) Jumaat lalu.

Jawatankuasa Disiplin MHC yang bersidang semalam menetapkan Najmi akan terlepas satu perlawanan sahaja menentang Angkatan Malaysia (ATM) pada Rabu ini.

Azrul menerima keputusan tersebut dengan hati yang terbuka memandangkan Najmi berisiko untuk digantung lebih satu perlawanan selepas menghamburkan kata-kata kesat kepada pengadil perlawanan, Ahmad Nazirul ketika perlawanan menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berkesudahan seri 3-3.

"Saya telah dimaklumkan oleh pengurus saya, kami bersyukur dan menerima dengan keputusan itu.

"Apa pun, saya ingatkan kepada para pemain saya untuk lebih berhati-hati selepas ini, kerana perlawanan tempohari, kami banyak mengutip kad-kad yang tidak sepatutnya," jelas Azrul yang dihubungi *Utusan Malaysia*.

Ketiadaan Najmi untuk perlawanan pada Rabu ini akan diisi oleh Nur Asyraf Ishak.

Selain itu, Azrul juga akan mendapat sentuhan beberapa pemain yang baru sahaja tamat tugas kebangsaan antaranya Kamarulzaman Kamaruddin yang membantu Malaysia meraih gelaran naib juara di Kejohanan Piala Dunia Hoki 5 sepasukan (s) di Oman tempohari.

Ketika ini, Maybank berada di tangga kesembilan liga dengan meraih satu mata.